




KRITERIA DAN SYARAT PENGANUGERAHAN PROFESOR EMERITUS UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



Disediakan oleh:
Jabatan Sumber Manusia
Pejabat Pendaftar

Kelulusan:
Mesyuarat SENAT Kali ke-132
Bilangan 12 Tahun 2020

**KRITERIA DAN SYARAT PENGANUGERAHAN PROFESOR EMERITUS
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)**

TUJUAN

1. Kertas ini bertujuan untuk menerangkan kriteria dan syarat penganugerahan gelaran Profesor Emeritus di Universiti Malaysia Terengganu.

GELARAN PROFESOR EMERITUS

2. Gelaran Profesor Emeritus adalah gelaran yang dianugerahkan kepada ahli akademik berjawatan Profesor yang cemerlang dan telah bersara di mana kerja-kerja akademik dan pencapaiannya telah menaikkan profil Universiti di peringkat tempatan dan antarabangsa.
3. Penganugerahan gelaran Profesor Emeritus bukan merupakan kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan universiti tetapi pengiktirafan Universiti kepada Profesor berdasarkan keserjanaan dalam penerokaan dan penjanaan ilmu yang boleh dimanfaatkan.

KRITERIA DAN SYARAT PEMILIHAN GELARAN PROFESOR EMERITUS

4. Kriteria dan syarat pemilihan penerima gelaran Profesor Emeritus adalah seperti berikut:-
 - i) calon telah berkhidmat dengan UMT sebagai Profesor sepenuh masa bagi tempoh tidak kurang tujuh (7) tahun, telah bersara wajib dan tidak lagi berkhidmat dengan UMT;
 - ii) calon telah berjaya menggraduatkan sekurang-kurangnya sepuluh (10) pelajar Doktor Falsafah sepanjang perkhidmatan sebagai ahli akademik

- iii) calon telah menghasilkan dan mendapat rujukan penerbitan sepanjang perkhidmatan dengan sekurang-kurangnya:
 - a. Dokumen Scopus/WOS = 50; dan
 - b. H-indeks = 5
- iv) calon telah menunjukkan kesajaranaannya yang cemerlang sesuai dengan citra ahli akademik yang berwibawa dan diiktiraf kepakarannya di dalam dan di luar UMT dan di kalangan rakan kepakarannya;
- v) calon telah memberikan perkhidmatannya yang gemilang dari segi sumbangan idea dan tenaga dalam memajukan bidang kepakarannya;
- vi) calon telah memberikan sumbangan idea dan tenaga terhadap pembangunan dan perkembangan UMT;
- vii) calon telah menunjukkan sifat-sifat kepimpinan dan keperibadian yang tinggi;
- viii) calon tidak pernah dikenakan tatatertib oleh Universiti atau tindakan mana-mana mahkamah yang boleh memcemarkan nama baik UMT.

KELAYAKAN

- 5. Seseorang Profesor Emeritus hendaklah bagi maksud istiadat mempunyai taraf yang sama dengan seorang Profesor Universiti.
- 6. Penganugerahan gelaran Profesor Emeritus kepada seseorang tidak memberikannya hak ke atas apa-apa faedah kewangan ataupun disifatkan sebagai menganugerahkan ke atasnya hak untuk menjadi ahli mana-mana pihak berkuasa universiti atau badan atau kuasa untuk menjalankan apa-apa fungsi eksekutif atau pentadbiran Universiti.
- 7. Profesor Emeritus boleh menggunakan gelarannya untuk selama-lamanya dan berhak kepada keahlian kehormat Perpustakaan Universiti sepanjang hayat.
- 8. Pemegang gelaran Profesor Emeritus boleh ditawarkan sebagai calon Ilmuwan Budi mengikut tempoh pelantikan dan sumbangan sebagaimana yang ditetapkan di dalam Garis Panduan Skim Ilmuwan Budi.

9. Pemegang gelaran Profesor Emeritus tidak boleh memegang jawatan lantikan kontrak.

TATACARA

10. Pencalonan mestilah datangnye daripada Fakulti/Pusat Pendidikan/Insitut/Pusat di mana calon tersebut telah berkhidmat sepenuh masa sepanjang perkhidmatannya di UMT.
11. Pencalonan akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Tetap Ijazah Kehormat dan Profesor Emeritus dan Senat sebelum dibawa untuk kelulusan Lembaga Pengarah Universiti.
12. Surat pelantikan Profesor Emeritus ditandatangani oleh Naib Canselor.
13. Penganugerahan gelaran Profesor Emeritus dan proklamasi mengenainya dilakukan di Majlis Konvokesyen Universiti atau dalam satu majlis yang diaturkan.

PENARIKAN BALIK GELARAN

14. Berdasarkan syor dari Senat, Lembaga Pengarah Universiti boleh menarik balik gelaran Profesor Emeritus apabila pemegang gelaran tersebut telah disabitkan kesalahan jenayah atau salahlaku atau melibatkan diri dalam aktiviti yang menjejaskan nama baik UMT.

Walau bagaimanapun, pemegang gelaran boleh diberikan peluang yang munasabah untuk didengar sebelum gelarannya ditarik balik jika didakwa melibatkan diri dalam salahlaku atau aktiviti yang menjejaskan nama baik UMT.

PENGECUALIAN

15. Senat boleh memberikan pengecualian terhadap mana-mana kriteria atau syarat yang terkandung dalam garis panduan ini pada bila-bila masa yang difikirkan sesuai dan perlu oleh Senat.